

PM seru rakyat kukuhkan sistem keluarga bagi membantu mencapai matlamat Wawasan 2020

KUALA LUMPUR 10 Nov. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyeru rakyat mengukuhkan dan mengukuhkan sistem keluarga sebagai institusi asas dalam masyarakat bagi membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, kerana kekuatan sistem itu akan menjamin kestabilan negara.

Sehubungan itu, katanya, satu sistem keluarga yang kuat, mantap dan sihat adalah diperlukan untuk melahirkan anak-anak yang bertanggungjawab dan berguna kepada ne-

gara. Menurut beliau, pencapaian matlamat Wawasan 2020 itu sendiri adalah terletak pada tangan ibu bapa terutama memandangkan pada tahun 2020 nanti jumlah institusi keluarga di-negara ini dijangka bertambah kepada 6.7 juta.

“Oleh itu, adalah amat penting bagi rakyat negara ini mengkaji peranan institusi keluarga kerana institusi inilah yang akan membawa negara ke satu tahap kemajuan yang lebih mencabar,” katanya dalam perutusan sempena perayaan Hari Keluarga Ke-

bangsaan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM) malam ini. Perayaan Hari Keluarga Kebangsaan disambut setiap tahun dan tema perayaan tahun ini ialah ‘Keluarga Penyayang Teras Perpaduan’.

Beliau seterusnya mengingatkan, fenomena buruk membelakangkan keluarga yang sudah menjadi ciri lumrah di negara maju mula memular ke negara ini.

“Bagaimana kita membendung trend ini merupakan suatu cabaran kepada kita... memandangkan anak-anak yang lahir hari ini adalah bakal generasi yang sedada,” kata Perdana Menteri.

Beliau memberikan beberapa contoh kesan buruk runtuhnya sistem keluarga di Barat, antaranya ialah sikap individualisme, egoistik, mementingkan diri sendiri serta membelakangkan keluarga dan masyarakat.

“Hasil daripada rumah tangga yang kucar-kacir di Barat telah menyebabkan timbul masalah sosial seperti anak-anak lari dari rumah, anak-anak tidak menghormati ibu bapa, juvana, penyalahgunaan dadah dan AIDS,” katanya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, dalam usaha mengejar kemajuan negara, kerajaan mahu melahirkan rakyat Malaysia yang bertimbang rasa, berprihatin dan penyayang.

“Untuk membantu keluarga melaksanakan tanggungjawab berat ini, usaha hendaklah dipertingkatkan bagi mewujudkan persekitaran infrastruktur yang lebih kondusif dan dapat melengkapkan ibu bapa memainkan peranan secara lebih berkesan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menggesa setiap keluarga di negara ini berusaha mencapai tahap ‘keibubapaan optimum’ bagi membolehkan semua individu dalam keluarga menjadi lebih produktif, mempunyai rohani dan jasmani yang seimbang